



**KATA ALU-ALUAN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat Sejahtera, Salam EcoCampus dan Salam Negaraku Malaysia.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh Ahli Sekretariat Pesta Tiong Hua Universiti Malaysia Sabah 2017 atas segala usaha dan iltizam ke arah menjayakan aktiviti kebudayaan tahunan yang bermakna ini.

Sesungguhnya, penganjuran Pesta Tiong Hua merupakan suatu platform bagi menghimpunkan siswa siswi pelbagai kaum untuk turut bersama-sama menjayakan program ini. Pesta Tiong Hua mampu menjadi jambatan penghubung siswa siswi dengan mewujudkan persefahaman dan interaksi kebudayaan antara kaum. Dalam erti kata lain, program ini berupaya menjadi saluran menguatkan semangat perpaduan dalam kalangan warga Universiti Malaysia Sabah yang berkonsepkan 1Malaysia dengan bertunjangkan semangat Negaraku Malaysia.

Pesta Tiong Hua tahun ini jelas menunjukkan upaya dan wibawa siswa siswi mempraktikkan kemahiran pelbagai bidang menerusi susunan program yang sistematik dan terancang. Penglibatan dalam program ini mampu mengasah kecergasan dari aspek mental, spiritual, intelektual seterusnya membentuk modal insan holistik yang mampu mencapai kecemerlangan dalam kehidupan. Ini selaras dengan arus perkembangan dunia yang menuntut setiap individu agar mempunyai keseimbangan bukan sahaja dalam ilmu akademik, tetapi juga mempunyai kelebihan dalam komunikasi dan penglibatan dalam aktiviti bercorak kemasyarakatan.

Akhir kata, sekali lagi diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran program Pesta Tiong Hua Universiti Malaysia Sabah 2017. Semoga semua yang terlibat mendapat manfaat dari aktiviti kemahasiswaan ini.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH